

**NO. SOALAN: 426**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA  
PARLIMEN KETIGA BELAS(2017)  
DEWAN RAKYAT**

---

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : YB PUAN TERESA KOK SUH SIM  
[SEPUTEH]**

**SOALAN :**

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh] minta PERDANA MENTERI menyatakan pecahan lelaki Islam yang berkahwin lebih daripada satu isteri mengikut negeri. Senaraikan kes lelaki berkahwin dengan gadis di bawah umur 16 sejak tahun 2010 mengikut pecahan negeri.**

**JAWAPAN: (YB MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN HAJI BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI)**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bahawa kuasa berkaitan hal ehwal Islam termasuklah urusan Mahkamah Syariah dan kebenaran serta pendaftaran perkahwinan adalah terletak di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri sebagaimana yang diperuntukkan dalam Butiran 1, Senarai II, Jadual Kesembilan, Perlembagaan Persekutuan. Oleh itu, maklumat mengenai lelaki Islam berkahwin lebih dari satu dan

perkahwinan gadis bawah umur hendaklah dirujuk kepada negeri-negeri berkenaan.

Bagi Wilayah Persekutuan, berdasarkan semakan di Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan, jumlah bilangan lelaki Islam yang telah direkodkan mendapat kebenaran berkahwin lebih dari satu isteri pada tahun 2016 adalah seramai 104 orang.

Manakala jumlah lelaki yang berkahwin dengan gadis bawah umur 16 tahun pula, berdasarkan rekod pendaftaran perkahwinan di Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI), seramai 314 kes lelaki yang direkodkan telah berkahwin dengan gadis tersebut di Wilayah Persekutuan sejak tahun 2011 sehingga 2016.

Dalam hal ini, ingin saya jelaskan bahawa perkahwinan bawah umur tidak dibenarkan dalam Islam kecuali dengan persetujuan Mahkamah Syariah atas sebab-sebab yang dibenarkan dan bukan kebenaran secara total. Ini diperuntukan dalam Akta/Enakmen Keluarga Islam Negeri-negeri. Misalnya Seksyen 8 dalam Akta Undang-Undang Keluarga Islam Wilayah-Wilayah Persekutuan)1984 (Akta 303). Bagi pihak-pihak yang memohon perlu mendapat persetujuan kedua-dua pihak ibubapa masing-masing dan Mahkamah Syariah akan memberi pertimbangan berdasarkan persetujuan tersebut. Dalam Islam, bersekedudukan tanpa nikah atau berzina adalah diharamkan, maka perkahwinan sedemikian dibenarkan bagi mengelakkan perzinaan.

Sekian, terima kasih.